

25 saksi beri keterangan kes ubah wang haram Najib

Peguam Negara belum putuskan representasi, tidak tarik balik tuduhan

ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 20 hingga 25 saksi pendakwa-an dijangka dipanggil memberi keterangan terhadap tiga tuduhan kes pengubahan wang haram berjumlah RM27 juta Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Ashrof Adrin Kamarul memaklumkan Peguam Negara belum memutuskan representasi dan pihaknya tidak menarik balik tuduhan, sebaliknya arahan diterima adalah untuk meneruskan dengan pendakwaan.

Mohd Ashrof berkata, pihaknya juga sedang menyiapkan pernyataan saksi sebelum menyerahkannya kepada pihak pembelaan.

Beliau berkata, setakat

ini hanya satu pernyataan saksi sudah siap dan pihaknya memerlukan masa kira-kira tiga bulan untuk melengkapkannya kerana bukan semua saksi berada di Lembah Klang, selain pernyataan berkenaan saling berkaitan.

Susulan itu, Hakim Mahkamah Tinggi, K Muniandy tidak membuat keputusan mengenai permohonan Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memohon beliau menggunakan budi bicara dengan melepas tanpa membebaskan (DNAA) Najib daripada tiga tuduhan itu.

Muniandy juga memberi tempoh dua bulan sehingga Mei ini bagi membolehkan pernyataan saksi disiapkan sebelum perbicaraan.

Muhammad Shafee membuat permohonan itu pada pengurusan kes berkenaan di hadapan Muniandy di sini, semalam, berikutan Peguam Negara belum membuat keputusan terhadap representasi dihantar Najib pada Ogos lalu.

Beliau berkata, pihak pembelaan masih menunggu keputusan representasi dikemukakan pihaknya pada 1 Ogos 2023.

"Sudah sembilan bulan, tetapi representasi masih

belum ada keputusan, ini tidak adil kepada anak guam saya," katanya.

Pada 3 Februari 2019, Najib mengaku tidak bersalah terhadap tiga pertuduhan menerima wang RM27 juta hasil kegiatan haram menerusi tiga akaun bank AmPrivate Banking miliknya.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu didakwa melakukan perbuatan itu di Am-Islamic Bank Berhad, Bangunan Ambank Group, Jalan Raja Chulan pada 8 Julai 2014.

Pendakwaan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang membawa hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda RM5 juta atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Najib kini menjalani hukuman penjara 12 tahun di Penjara Kajang selepas Mahkamah Persekutuan pada 23 Ogos 2022 mengekalkan sabitan dan hukuman penjara serta denda RM210 juta terhadapnya, yang didapati bersalah atas pertuduhan menyeleweng dana SRC berjumlah RM42 juta.